



[Home](#) / [2024](#) / [September](#) /

Majlis Menandatangani MoU Antara Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan dengan Pangasinan State University, Filipina

BERITA MOU

27/09/2024 / [Ivazhyana Binti Zamri Amin](#)



9 September 2024 – Pangasinan State University (PSU), Filipina telah menghubungi Akademi Pengajian Bahasa UiTMCNS Kampus Kuala Pilah pada Oktober 2023, untuk membincangkan tentang program kerjasama di antara kedua-dua universiti. Selepas beberapa sesi perbincangan, kedua-dua universiti telah bersetuju untuk menandatangani *Letter of Intent* (LoI) pada 23 Mei 2024. Rentetan daripada itu, pihak PSU telah mempelawa wakil-wakil daripada APB UiTMCNS Kampus Kuala Pilah untuk menghadiri PSU *Stakeholders' Night* di universiti tersebut pada 9 September 2024.



vivo V30 Pro | ZEISS

23mm f/1.88 1/30s ISO1567
09/09/2024, 20:57

Kehadiran delegasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang terdiri daripada Dr. Rafidah Kamarudin (Ketua Pusat Pengajian APB UiTMCNS), Puan Mazliyana Zainal Arifin (Liaison Officer, UiTM Global bagi APB UiTMCNS Kampus Kuala Pilah), Dr. Amalia Qistina Castaneda Abdullah, Dr. Syahirah Almuddin, Cik Norshida Hashim, dan Cik Anis Shahira Bazlan telah disambut baik oleh PSU dan MoU telah ditandatangani antara kedua-dua universiti.



Selain itu, wakil daripada UiTM juga berpeluang bertemu dengan wakil daripada pelbagai universiti lain di Filipina yang turut menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan UiTM. Diharap dengan adanya jalinan *Memorandum of Understanding* (MoU) ini, kedua-dua universiti akan mendapat manfaat dari pelbagai aspek terutamanya dalam tempoh 3 tahun perjanjian.

[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: 'Letter of Intent' (LoI), Akademi Pengajian Bahasa (APB), memorandum of understanding (MoU), Pangsapuri State University (PSU), PSU Stakeholders' Night, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

← Team Building: Survival Synergy Towards Team Excellence, Jabatan Sains Matematik, UiTM Cawangan Perak

Inisiatif UiTM Menarik Pelajar Sekolah Rendah Menyemai Minat dalam STEM >

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

